

MACĀLIM AL-QUR'ĀN WA AL-SUNNAH

A Refereed Journal _____

Vol. 11 No. 12 2016

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENCAPAIAN
PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS (PENGLIHATAN)
DALAM MENGHAFAZ AL-QURAN: KAJIAN
DI DARUL QURAN, JAKIM**

Noornajihan Jaafar*

Norakyairee Mohd Raus**

Abdul Karim Toure***

Abdul Muhammin Ahmad****

Mohd Nur Adzam Rasdi*****

Nurul Asiah Fasihah Mohammad*****

Abstract

Diploma in Tahfiz Da'wah wa al-Quran at Darul Quran JAKIM is specially offered to the Visually Impaired Persons (VIP). This program provides an opportunity for them to compete equally with normal people in memorizing and understanding the holy Quran. This paper is part of the research findings are being conducted between the Faculty of Quran and Sunnah, USIM and JAKIM. The main objective of this paper is to identify several factors that influence visually impaired student achievement in this program, especially in interaction with Braille Quran. Instruments used for this study are protocol interviews

*Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM

** Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM

*** Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM

**** Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM

***** Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM

***** Pensyarah Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM

and observations on the course Tahfiz al-Quran course. In addition, Crawford and Godbey's model (1997) is used to describe the factors that influence student achievement in the study OKUMP Tahfiz al-Quran. The findings showed that there are several factors that influence the achievement of these students to memorize the Quran. It is based on structural factors, interpersonal and intrapersonal factors as featured in Crawford and Godbey model. Several suggestions have been made in research to improve the supply of this program and to allow further research be conducted.

Key word: Visually Impaired Persons, Tahfiz al-Quran, Darul Quran JAKIM

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan Kalamullah, mukjizat bagi Nabi Muhammad s.a.w., panduan bagi sekalian manusia. Konsep asas membaca, menghafal, memahami dan mengamalkan isi kandungan al-Quran merupakan satu tuntutan ke atas setiap individu Muslim⁷. Ini kerana di dalamnya terkandung pelbagai ilmu dan rahsia yang hanya bakal diketahui bagi yang berfikir dan bertadabbur akan ayat- ayat suci al-Quran.

Tuntutan memahami maksud Kalamullah ini bukan sahaja ditujukan kepada umat Islam yang normal pancaingeranya, bahkan tuntutan ini turut ditujukan kepada golongan istimewa yang kelainan upaya, antaranya golongan bermasalah penglihatan. Dengan yang demikian, menjadi tanggungjawab pihak kerajaan, badan-badan kebijakan masyarakat, badan-badan bukan kerajaan, jabatan-jabatan agama Islam Negeri dan setiap individu masyarakat berganding bahu dalam mewujudkan suasana ‘indahnya hidup beragama’ di samping memberi perhatian dan penghargaan bagi golongan istimewa ini khususnya dalam berinteraksi dengan al-Quran dan membudayakannya

⁷ Al-Qiyamah:75:16-19.

dalam amalan harian. Perkara ini penting, bagi menolak tanggapan bahawa Islam adalah agama eksklusif untuk golongan tertentu⁸.

Melalui tinjauan awal berdasarkan temu bual dengan tenaga pengajar di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) di beberapa buah negeri mendapati telah wujud satu fenomena dan gerakan yang serius dalam mendekatkan kanak-kanak bermasalah penglihatan ini. Ini kerana keistimewaan dan bakat golongan ini dalam menghafal amat dikagumi lebih-lebih lagi jika hubungkan mereka dengan bacaan al-Quran. Fenomena ini sudah lama berkembang terutama di Timur Tengah di mana kebanyakan para Qari dan Huffaz seperti di Mesir adalah terdiri daripada golongan OKU penglihatan. Selain al-Quran dijadikan sebagai bahan hafalan harian mereka, ia juga sebenarnya memainkan peranan sebagai terapi dan rawatan rohani bagi golongan ini. Menurut kajian seorang pakar psikologi dari Netherlands, Prof. Vander Hoven yang mengkaji kesan bacaan al-Quran dan zikir kalimah “Allah” terhadap tubuh badan pesakit selama 3 tahun. Hasil kajian menunjukkan bahawa dengan al-Quran dan zikir dapat menyembuh penyakit-penyakit psikologi seperti kemurungan dan ketegangan. Kajian ini turut dilaporkan di dalam akhbar al-Watan di Arab Saudi. Manakala satu kajian menunjukkan bahawa alunan ayat al-Quran mampu mengubah bentuk molekul air menjadi cantik dan tersusun rapi⁹ (Emoto Masaru,1999).

Melihat kepada senario ini, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui Darul Quran telah mengambil inisiatif untuk menawarkan Sijil Tahfiz al-Quran bagi pelajar bermasalah penglihatan bermula Disember 2008. Seramai 18 orang pelajar, yang terdiri daripada 10 pelajar lelaki dan 8 pelajar wanita telah terpilih bagi mengikuti program ini. Rentetan daripada itu, lapan orang daripada pelajar yang mengikuti program pensijilan ini, telah berjaya melayakkan diri bagi mengikuti program Diploma Tahfiz di Darul Quran pada Mei

8 Mohd Huzairi, Peranan Masjid dalam Pendidikan: Tumpuan Khusus terhadap golongan Pekak,Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran (Shah Alam: masjid Shah Alam),2010.

9 Emoto, Masaru. *The secret life of water*. Simon and Schuster, 2011.

2010. Program Tahfiz ini bukan sahaja dilihat untuk melahirkan para huffaz, bahkan untuk mengintegrasikan ilmu dunia dan ukhrawi agar dapat melahirkan para huffaz yang professional tanpa mengira keterbatasan kemampuan individu di mana mereka ini berperanan dan memikul tanggungjawab untuk menerusi legasi ilmuwan Islam, generasi pewaris Nabi.

PENYATAAN MASALAH

Program Diploma Tahfiz yang dikendalikan oleh Darul Quran mempunyai keunikannya yang tersendiri. Ini kerana ia turut disertai oleh pelajar OKUMP. Program ini bukan sahaja tertumpu kepada elemen menghafaz al-Quran, bahkan terkandung di dalamnya perlbagai lagi cabang ilmu yang lain. Bermula dengan penawaran Sijil Tahfiz al-Quran yang bermula Disember 2008, seramai 18 orang pelajar OKUMP telah terpilih bagi mengikuti program ini. Walaubagaimanapun, hanya 8 orang daripada pelajar tersebut berjaya melayakkan diri bagi mengikuti program Diploma Tahfiz al-Quran dan Dakwah yang mula ditawarkan pada Mei 2010. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan melihat kepada faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar tersebut khususnya dalam kursus Tahfiz al-Quran berdasarkan model Crawford dan Godbey¹⁰ iaitu melalui kajian terhadap faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal.

OBJEKTIF KAJIAN

Di antara objektif utama kajian ini adalah seperti berikut;

1. Mengenal pasti faktor intrapersonal yang mempengaruhi pencapaian pelajar OKUMP dalam pengajian Tahfiz al-Quran; dan
2. Mengenal pasti faktor interpersonal yang mempengaruhi pencapaian pelajar OKUMP dalam pengajian Tahfiz

¹⁰ Crawford, D. W., Jackson, E. L., & Godbey, G. C. (1991). A hierarchical model of leisure constraints. *Leisure Sciences*, 13, 309-320.

al-Quran; dan

3. Mengenal pasti faktor struktur yang mempengaruhi pencapaian pelajar OKUMP dalam pengajian Tahfiz al-Quran.

METODOLOGI KAJIAN

1. *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik keada pelajar OKUMP Darul Quran, JAKIM.

2. *Populasi dan Sampel Kajian*

Kajian ini dijalankan di Darul Quran, JAKIM dan dijalankan ke atas pelajar OKUMP yang merupakan satu-satunya kumpulan pelajar seramai 8 orang yang layak dan ditawarkan mengikuti program Diploma Tahfiz al-Quran dan Dakwah. Kesemua populasi ini dijadikan sampel kajian.

.3. *Instrumen Kajian*

Soal selidik ini dibahagikan kepada 4 bahagian. Bahagian yang pertama adalah bahagian demografi, kemudian bahagian kedua ialah bahagian faktor intrapersonal. Seterusnya bahagian ketiga ialah bahagian faktor interpersonal dan akhirnya bahagian keempat ialah bahagian faktor struktur.

HASIL DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini, peserta kajian ditanya berhubung faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan hafazan. Hal ini meliputi 17 pernyataan sebagaimana yang akan dijelaskan dalam analisis dapatan berdasarkan pecahan-pecahan subtopik seperti berikut:

A) Faktor Intrapersonal

D1: Kecenderungan dalam bidang agama mendorong saya untuk menghafaz Quran

Pernyataan di atas bertujuan mengenal pasti samada kecenderungan peserta kajian kepada bidang agama menjadi pendorong untuk menghafaz Quran. Berdasarkan dapatan kajian, didapati 62.5% atau 5 orang sangat bersetuju, dan 37.5% atau 3 orang bersetuju. Majoriti pelajar iaitu 5 orang berada pada tahap bersetuju dan secara puratanya, keseluruhan peserta kajian berada pada tahap setuju dengan skor min sebanyak 4.63.

D2: Saya pernah menghafaz al-Quran sebelum memasuki Darul Quran

Pernyataan berikut ingin mengenal pasti adakah mereka pernah menghafaz Quran sebelum mendaftar sebagai pelajar di Darul Quran. Berdasarkan dapatan kajian, didapati 37.5% atau 3 orang sangat bersetuju, 25% atau 2 orang bersetuju, dan 37.5% atau 3 orang kurang bersetuju. Secara puratanya, keseluruhan peserta kajian berada pada tahap setuju sebagaimana yang ditunjukkan oleh skor min iaitu 4.00.

D3: Penentuan ayat hafazan dilakukan mengikut kemampuan diri

Pernyataan di atas menjelaskan persepsi pelajar akan penentuan ayat yang perlu dihafaz berdasarkan kemampuan mereka memudahkan. Berdasarkan dapatan kajian, didapati 25% atau 2 orang sangat bersetuju, 50% atau 4 orang setuju, 12.5% atau 1 orang tidak setuju dan 12.5% atau 1 orang sangat tidak setuju. Skor min pada pernyataan ini ialah 3.63 yang membawa maksud majoriti peserta kajian bersetuju.

D4: Pendedahan awal terhadap al-Quran membantu saya menghafaz dengan baik

Berdasarkan dapatan kajian, didapati 37.5% atau 3 orang

sangat bersetuju, 37.5% atau 3 orang setuju, dan manakala 25% atau 2 orang sangat tidak pasti. Secara puratanya, keseluruhan responden berada pada tahap setuju.

B) Faktor Interpersonal

D5: Galakan keluarga amat penting untuk saya meneruskan hafazan

Pernyataan berikut ingin mengenal pasti adakah galakan keluarga amat penting kepada setiap mereka untuk meneruskan hafazan. Berdasarkan dapatan kajian, didapati 50% atau 4 orang sangat bersetuju, 37.5% 3 orang bersetuju, dan 12.5% atau 1 orang kurang setuju. Secara puratanya, keseluruhan responden berada pada tahap setuju sebagaimana yang ditunjukkan oleh skor min iaitu 4.38.

D8: Guru Tasmi' yang terdiri dari golongan celik meningkatkan mutu bacaan

Pernyataan seterusnya bertujuan mengenal pasti samada guru tasmi' yang terdiri dari golongan celik membantu mereka memperbaiki kesilapan hafazan. Merujuk hasil dapatan kajian, didapati 50% atau 4 orang sangat bersetuju dan setuju dengan skor min iaitu 4.50.

D9: Tenaga pengajar cukup untuk membimbing pelajar OKUMP menghafaz Quran

Pernyataan seterusnya menguji persepsi pelajar samada suasana menghafaz di Darul Quran merangsang mereka untuk terus menghafaz. Berdasarkan dapatan kajian, 50% atau 4 orang bersetuju, 12.5% atau 1 orang kurang bersetuju, 37.5% atau 3 orang tidak setuju. Secara puratanya, keseluruhan responden berada pada tahap setuju sebagaimana yang ditunjukkan oleh skor min iaitu 3.13.

D10: Guru Tasmi' mahir dalam penggunaan Braille membantu proses hafazan

Pernyataan berikut ingin mengenal pasti samada guru tasmi' yang mahir dalam penggunaan Braille membantu proses mereka menghafaz. Berdasarkan dapatan kajian, didapati 37.5% atau 3 orang sangat bersetuju, dan 62.5% atau 5 orang bersetuju. Secara puratanya, keseluruhan responden berada pada tahap setuju sebagaimana yang ditunjukkan oleh skor min iaitu 4.38.

D11: Guru banyak memberi galakan dan semangat untuk saya meneruskan hafazan

Pernyataan seterusnya ingin mengenal pasti samada faktor guru yang banyak memberi galakan dan semangat membantu untuk meneruskan hafazan. Berdasarkan dapatan kajian, didapati 50% atau 4 orang sangat bersetuju dan setuju iaitu dengan skor min 4.50.

D12: Tenaga pengajar yang sangat memahami membantu meningkatkan mutu hafazan

Pernyataan seterusnya ingin mengenal pasti samada kehadiran guru-guru yang sangat memahami membantu dalam menghafaz Quran. Merujuk kepada hasil dapatan kajian ini, didapati 62.5% atau 5 orang sangat bersetuju dan 37.5% atau 3 orang setuju dengan skor min iaitu 4.63.

D15: Percampuran pelajar normal dan pelajar OKUMP meningkatkan daya saing

Pernyataan seterusnya ingin mengenal pasti samasa percampuran pelajar normal dan pelajar OKUMP di dalam kelas memberi semangat untuk mereka menghafaz dengan baik. Berdasarkan dapatan kajian, 37.5% atau 3 orang sangat bersetuju, 50% atau 4 orang setuju, dan 12.5% atau 1 orang kurang bersetuju. Secara puratanya, keseluruhan responden berada pada tahap setuju sebagaimana yang ditunjukkan

oleh skor min iaitu 4.13.

C) Faktor Struktur

D6: Suasana menghafaz yang ada di Darul Quran memberi perangsang kepada saya untuk terus menghafaz

Pernyataan seterusnya menguji persepsi pelajar sama ada suasana menghafaz di Darul Quran merangsang mereka untuk terus menghafaz. Berdasarkan dapatan kajian, 37.5% atau 3 orang sangat bersetuju, 50% atau 4 orang bersetuju, 12.5% atau 1 orang tidak setuju. Secara puratanya, keseluruhan responden berada pada tahap setuju sebagaimana yang ditunjukkan oleh skor min iaitu 4.13.

D7: Kelas hafazan pada waktu pagi membantu untuk menghafaz dengan lebih baik

Pernyataan di atas menjelaskan persepsi pelajar terhadap pelaksaanan kelas hafazan pada waktu pagi samada membantu mereka untuk menghafaz. Berdasarkan dapatan kajian, didapati 50% atau 4 orang sangat bersetuju dan setuju bahawa kelas hafazan pada waktu pagi membantu mereka untuk menghafaz. Ini dibuktikan dengan skor min yang ditunjukkan iaitu 4.50.

D13: Faktor fasiliti di Darul Quran membantu meningkatkan mutu hafazan

Pernyataan seterusnya ingin mengenal pasti samada faktor fasiliti yang disediakan mempengaruhi meningkatkan mutu hafazan. Merujuk kepada dapatan kajian, didapati 37.5% atau 3 orang sangat bersetuju dan 62.5% atau 5 orang setuju iaitu dengan skor min 4.38.

D14: BBM membantu meningkat mutu hafazan

Pernyataan seterusnya ingin mengenal pasti samada faktor BBM membantu meningkatkan mutu hafazan peserta kajian. Berdasarkan

dapatkan kajian, didapati 37.5% atau 3 orang sangat bersetuju, dan 62.5% atau 5 orang bersetuju. Secara puratanya, keseluruhan responden berada pada tahap setuju sebagaimana yang ditunjukkan oleh skor min iaitu 4.38.

D16: Intensif/elaun membantu memudahkan mengikuti kursus hafazan Quran


Pernyataan berikut ingin mengenal pasti adakah pemberian intensif dan elaun kepada mereka memudahkan untuk mengikuti kursus hafazan al-Quran dengan baik. Berdasarkan dapatan kajian, didapati 50% peratus atau 4 orang sangat bersetuju, 37.5% atau 3 orang bersetuju dan 12.5% atau 1 orang kurang bersetuju. Secara puratanya, keseluruhan responden berada pada tahap setuju sebagaimana yang ditunjukkan oleh skor min iaitu 4.38.

D17: Bengkel/kursus membantu meningkatkan mutu hafazan

Pernyataan seterusnya ingin mengenal pasti adakah peluang yang seimbang diberikan oleh Darul Quran kepada pelajar menyertai kursus atau bengkel di luar berkaitan hafazan Quran menaikkan semangat mereka. Merujuk kepada hasil dapatan kajian, didapati 50% atau 4 orang sangat bersetuju dan setuju iaitu dengan skor min 4.50.

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dari sudut pendidikan, keperluan pelajar OKUMP sebenarnya perlu diberi perhatian yang lebih daripada pelajar normal. Perkara ini bukan sahaja tertumpu dalam memenuhi keperluan asas sebagai warga OKU bahkan golongan ini amat memerlukan ‘keperluan fisiologi’ yang menjurus kepada penghargaan dan perhatian dari pelbagai



Rajah 1.1 Faktor yang Mempengaruhi Pembelajaran Tahfiz OKUMP

pihak¹¹. Penghargaan dan perhatian dari segenap lapisan masyarakat khususnya dalam menyediakan fasiliti dan aksesibiliti kepada pelajar OKUMP dalam mendalam ajaran Islam merupakan satu jihad yang sangat dituntut dalam Islam.

Dalam konteks kajian ini, hasil dapatan menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar OKUMP dalam menghafaz al-Quran. Faktor ini dapat kita rumuskan seperti pada Rajah 1.1 di bawah:

i. Faktor Intrapersonal;

Faktor ini pula melibatkan keadaan psikologi individu yang bertindak menghalang penglibatan aktiviti bersukan. Ini termasuklah tekanan, keimbangan, budaya, sikap, keagamaan, serta kemampuan dan kemahiran diri yang dimiliki¹². Terdapat empat item yang diuji bagi mengenal pasti pengaruh intrapersonal pelajar OKUMP iaitu

11 Norakyairee Mohd Raus & Ab Halim Tamuri, Program tilawah al-quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah penglihatan: Realiti dan cabaran semasa. Seminar pengurusan masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa,(IAIN Ar-Raniry: Banda Aceh,Aceh) 2011.

12 Ghazali Basri, Peranan Pendidik dalam Pembentukan Ummah, Jurnal Pendidikan Islam,(Kuala Lumpur: ABIM), 1987.

pendedahan awal, kecenderungan dalam bidang agama dan pengalaman menghafaz al-Quran.

Kajian menunjukkan bahawa 75% berada pada tahap setuju terhadap kenyataan kepentingan pendedahan awal terhadap al-Quran membantu pencapaian pelajar OKUMP dalam menghafaz al-Quran. Kenyataan ini turut disokong dengan faktor kecenderungan dalam bidang al-Quran dan pengalaman menghafaz al-Quran turut mempengaruhi pencapai mereka.

Kesimpulannya, pelajar OKUMP mempunyai misi dan visi dalam memperkasa jatidiri mereka khususnya dalam bidang pendidikan. Pendekatan terhadap pengajian Islam khususnya dalam menghafaz al-Quran dilihat mempunyai signifikan terhadap golongan ini dalam meningkatkan modal insan dan pencapaian mereka supaya mampu berdaya saing dengan golongan normal. Justeru, kajian ini mendapati bahawa terdapat faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar OKUMP dalam menghafaz al-Quran di mana dapat dirumuskan melalui hubungkait faktor struktur, interpersonal dan intrapersonal sebagaimana dijelaskan seperti di atas.

ii. **Faktor Interpersonal**

Faktor ini melibatkan interaksi atau hubungan antara individu. Item berkaitan hubungan pelajar OKUMP dengan keluarga, rakan dan guru diajukan bagi mengetahui pengaruh ketiga-tiga item tersebut terhadap pencapaian pelajar tersebut.

Faktor dorongan keluarga dilihat mempunyai pengaruh terhadap pencapai pelajar OKUMP di mana berdasarkan dapatan kajian, didapati 50% atau 4 orang sangat bersetuju, 37.5% atau 3 orang bersetuju, dan 12.5% atau 1 orang tidak pasti. Ini menunjukkan bahawa hampir kesemua pelajar bersetuju dengan kenyataan ini. Perkara ini dikuatkan dengan temu bual yang dijalankan dan mendapati bahawa faktor keluarga yang mempunyai nilai Islamik dan kesedearan yang tinggi terhadap kepentingan pengajian al-Quran kepada pendidikan

anak-anak seawal usia mempengaruhi pencapaian mereka dalam menghafaz al-Quran.

Faktor rakan juga dilihat mempunyai hubungkait dengan pencapaian pelajar OKUMP dalam menghafaz al-Quran. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, faktor rakan dari kalangan celik penglihatan banyak membantu pelajar OKUMP dalam meningkatkan mutu bacaan dan hafazan mereka. Pernyataan ini dikuatkan lagi dengan ujian item persepsi percampuran pelajar normal dan pelajar OKUMP di dalam kelas, adakah ia memberi semangat untuk mereka menghafaz dengan baik atau sebaliknya. Berdasarkan dapatan kajian, 37.5% atau 3 orang sangat bersetuju, 50% atau 4 orang setuju, dan 12.5% atau 1 orang tidak setuju. Secara puratanya, keseluruhan responden berada pada tahap setuju sebagaimana yang ditunjukkan oleh skor min iaitu 4.13.

Seterusnya faktor guru, memandangkan pengajian Tahfiz al-Quran terkandung dalam matapelajaran Tilawah al-Quran dan ia berorentasikan kemahiran pelajar, Hajarul Bahti¹³ menjelaskan bahawa pengajaran perlu menekankan kepada arahan, demonstrasi dan pemberian kesilapan pelajar. Oleh itu, keberkesanan dalam menyampaikan sesuatu isi kandungan pelajaran banyak bergantung kepada Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) yang dimiliki oleh guru. Sarimah¹⁴ pula menjelaskan bahawa selain mahir dalam pengetahuan isi kandungan matapelajaran, keperluan guru dalam mengetahui gaya pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran dan pembelajaran turut mempengaruhi pencapaian pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dorongan dan bimbingan guru banyak mempengaruhi pencapaian pelajar tersebut. Kajian juga mendapati sikap, keprihatinan dan komitmen guru turut mempengaruhi pencapaian mereka dengan 62.5% atau 5 orang sangat bersetuju dan 37.5% atau 3 orang setuju.

¹³ Hajarul Bahti Zakaria. 2010. Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. *Prosiding Seminar Pendidikan Guru Peringkat Antarabangsa kali ke-4 (UPI & UPSI)*. Bandung: Indonesia.

¹⁴ Sarimah Mokhtar. 2005. Gaya Pembelajaran dan Hubungan Dengan Pencapaian Pendidikan Islam di Kalangan Pelajar Pendidikan Islam. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

iii. Faktor Struktur

Berdasarkan model Crawford dan Godbey¹⁵, faktor struktur merupakan faktor utama yang menjadi penghalang kepada kejayaan sesuatu perkara. Dalam konteks kajian ini, faktor struktur dilihat memainkan peranan utama dalam mempengaruhi pencapaian pelajar OKUMP dalam pengajian Tahfiz al-Quran. Antaranya adalah faktor fasiliti dan aksesibiliti, faktor elaun dan insentif, dan faktor penawaran kurikulum.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor fasiliti dan aksesibiliti yang disediakan oleh pihak Darul Quran JAKIM bagi program Diploma Tahfiz al-Quran dan Dakwah untuk pelajar OKUMP adalah baik. Perkara ini merujuk kepada soalan D13. Namun berdasarkan soalan D6, temu bual dan pemerhatian yang berkaitan dengan suasana pembelajaran pelajar ini didapati fasiliti dan aksesibiliti yang disediakan pada tahap memuaskan. Ini kerana pihak Darul Quran belum dapat sepenuhnya menyediakan fasiliti OKU pada tahap maksimum sebagaimana yang telah digariskan dalam penubuhan Jawatankuasa Teknikal yang urus setianya ialah SIRIM telah merangka ‘Kod Amalan Akses Bagi OKU Ke Bangunan Awam’. Ia telah menghasilkan pindaan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 berkaitan dengan kehendak-kehendak bangunan untuk OKU di mana bangunan baru diwajibkan mempunyai kemudahan akses kepada OKU. Antaranya termasuklah ‘ram’ dan ‘railings’, laluan yang bersesuaian dengan kerusi roda, lif khas dengan reka bentuk yang sesuai, tempat letak kereta, tandas khas dan sebagainya.(TEE Chua)¹⁶

Faktor elaun dan insentif juga merupakan satu bentuk penghargaan dan perhatian yang diberikan oleh pihak Darul Quran JAKIM kepada

15 Crawford, D. W., Jackson, E. L., & Godbey, G. C. (1991). A hierarchical model of leisure constraints. *Leisure Sciences*, 13, 309-320.

16 Tee Chua.1976. Some Aspects of Special Education in Malaysia, Singapore, Thailand and the Philipines: A Comparative Study. Thesis PhD. Univeriti Malaya, Kuala Lumpur.

pelajar OKUMP. Perkara ini bertujuan untuk meningkatkan kekuatan motivasi pelajar ini memandangkan kekurangan yang ada pada mereka dalam bersaing dengan pelajar normal. Berdasarkan temu bual dengan guru tasmi' al-Quran didapati bahawa kemampuan menghafaz sebahagian daripada pelajar OKUMP ini adalah lebih baik daripada pelajar normal. Ini merupakan kelaianan dan kelebihan yang Allah s.w.t. berikan kepada golongan ini bagi menampung kekurangan yang ada. Berdasarkan dapatan kajian, didapati 50% atau 4 orang sangat bersetuju, 37.5% atau 3 orang bersetuju dan 12.5% atau 1 orang tidak pasti. Justeru, pemberian insentif dan elauan kepada mereka dianggap sebagai bonus di atas komitmen dan kesungguhan mereka bersaing ke arah meningkatkan lagi pencapaian masing-masing.

Manakala faktor penawaran kurikulum pula turut menyumbang terhadap pencapaian pelajar OKUMP khususnya dalam kursus Tahfiz al-Quran. Pemerhatian terhadap penawaran kursus ini mendapati bahawa kursus ini dijalankan secara berasingan dengan pelajar normal yang lain. Kelas ini dibimbing oleh seorang guru tasmi' selama dua jam bermula jam lapan pagi hingga sepuluh pagi. Kewujudan Mushaf al-Quran Braille cetakkan Malaysia terbitan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) amat membantu pelajar ini menghafaz al-Quran. Berdasarkan temu bual dan pemerhatian, beberapa cadangan perlu diambil perhatian oleh pihak Darul Quran dalam menjayakan program ini, antaranya:

1. Mewujudkan mushaf al-Quran Braille khusus untuk kegunaan aktiviti penghafalan al-Quran yang mesra Huffaz;
2. Memperbanyakkan bengkel dan kursus khas bagi pelajar OKUMP dalam mempertingkatkan mutu bacaan dan hafazan serta tidak hanya bergantung kepada jadual rutin kelas sedia ada; dan
3. Mewujudkan jawatan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) sama ada dari tenaga kerja celik penglihatan

mahupun OKU Penglihatan yang mempunyai kemahiran dalam al-Quran Braille dan hafazan.

PENUTUP

Kesimpulannya, terdapat beberapa faktor yang membantu proses pembelajaran tafsir dalam kalangan OKUMP. Faktor-faktor tersebut merangkumi faktor struktur, faktor interpersonal dan faktor intrapersonal. Faktor struktur seperti fasiliti dan aksesibiliti, elaun dan insentif dan penawaran kurikulum mempengaruhi proses pembelajaran OKUMP. Faktor interpersonal seperti guru, rakan dan ibu-bapa juga mempengaruhi proses hafazan OKUMP. Manakala faktor intrapersonal yang telah dikenal pasti membantu pembelajaran OKUMP ialah seperti pendedahan awal dengan tafsir al-Quran, kecenderungan dalam bidang al-Quran dan pengalaman menghafaz al-Quran. Faktor-faktor yang telah dikenal pasti diharapkan diberi perhatian oleh pihak-pihak yang berkenaan bagi memastikan proses pembelajaran tafsir dalam kalangan OKUMP berjalan dengan lancar dan mencapai matlamat, visi dan misi program.

RUJUKAN

- al-Quran al-Karim
- Ab. Halim Tamuri dan Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. 2010. Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdul Halim El-Muhammady. 1991. Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidikan. Kuala Lumpur: ABIM.
- Ahmad Mohd. Salleh. 1989. Kursus Pendidikan Islam. Kota Baru: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Ahmad Muhammad Salleh. 2000. Pendidikan Islam Asas Dinamik Guru, Malaysia: Fajar Bakti Snd. Bhd.
- Crawford, D. W., Jackson, E. L., & Godbey, G. C. (1991). A hierarchical model of leisure constraints. *Leisure Sciences*, 13, 309-320.
- Farid Mat Zin, Zamri Arifin dan Ezad Azraai Jamsari. 2005. Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia Selepas Merdeka. Prosiding Wacana Pendidikan Islam-Siri 5. Bangi: UKM.
- Fatimah Hanun Mohd Daud. 1992. The Main Steam at Visually Handicapped School in Kuala Lumpur. Thesis sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Filmer, I.D. 1982. Academic and Psychosocial Aspects of Visually Handicapped Students in Three Secondary Schools in Peninsular Malaysia. Thesis PhD. Unversiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ghazali Basri. 1987. Peranan Pendidik Dalam Pembentukan Ummah. *Jurnal Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: ABIM
- Ghazali Darusalam. 2001. Pedagogi Pendidikan Islam. Malaysia: Utusan Publication and Distributor Sdn. Bhd.
- Hajarul Bahti Zakaria. 2010. Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. Prosiding Seminar Pendidikan Guru Peringkat Antarabangsa kali ke-4 (UPI & UPSI). Bandung: Indonesia.
- Khadijah Abdul Razak & Zaib Ngah. 2002. Isu Dan Cabaran Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam (KBSM). Prosiding

- Wacana Pendidikan Islam (Siri 1). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Huzairi bin Awang @ Husain. 2010. Peranan Masjid Dalam Pendidikan: Tumpuan Khusus Terhadap Golongan Pekak. Prosiding Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran. Shah Alam: Masjid Shah Alam.
- Mohd. Jasmin Abd. Rahman, Shahrin Awaludin dan Mohd. Arif Ismail. 2005. Tahap Penggunaan Alat Teknologi Pengajaran di Kalangan Guru- Guru Pendidikan Islam Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran. Prosiding Wacana Pendidikan Islam-Siri 5. Bangi: UKM.
- Mohd Yusof Ahmad. Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Muhammad Saleh Samad. 1980. Ilmu Pendidikan Islam. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mujamil Qomar. 2005. Epistemologi Pendidikan Islam. Jakarta: Erlangga.
- Nik Azis Nik Pa. 2007. Kualiti Tinjauan Literatur Bagi Penyelidik Dalam Pendidikan Matematik Oleh Pelajar Ijazah Tinggi. Jurnal Pendidikan.
- Norani Mohod Salleh. 1990. Satu Perbandingan Mengenai Dua Kaedah Pembelajaran untuk Kanak-Kanak Rabun dan Cacat Penglihatan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan, Bangi.
- Norakyairee Mohd Raus dan Ab. Halim Tamuri. 2011. Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti Dan Cabaran Semasa. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa. IAIN Ar-Raniry, Banda Aceh, Aceh
- Roshaida Yaacob. 2004. al-Quran Braille, Kaedah Penerbitan dan Sumbangannya Kepada Golongan Cacat Penglihatan: Kajian di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS). Kertas Projek Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sarimah Mokhtar. 2005. Gaya Pembelajaran dan Hubungan Dengan Pencapaian Pendidikan Islam di Kalangan Pelajar

Pendidikan Islam. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

-Tee Chua. 1970. Pendidikan Khas di Malaysia. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

-Tee Chua.1976. Some Aspects of Special Education in Malaysia, Singapore, Thiland and the Philipines: A Comparative Study. Thesis PhD. Univeriti Malaya, Kuala Lumpur.